

Malaysia sedia bantu Iraq

UM-28/1/2007
DAVOS, Switzerland 27 Jan. - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, Malaysia telah menawarkan bantuan kepada kerajaan Iraq bagi mencari penyelesaian terhadap konflik yang sedang berlaku di negara itu.

Katanya, ada kemungkinan kaedah-kaedah yang digunakan oleh Malaysia dapat digunakan di Iraq dan kerajaan Malaysia bersiap sedia memberi berkerjasama.

Abdullah telah menawarkan cadangan Malaysia itu dalam pertemuan dua hala dengan Naib Presiden Iraq Adel Adul Mehdi pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini hari ini.

Bercakap pada satu sidang media, Abdullah berkata, Malaysia juga sedia membantu dalam perkara lain "di mana kita sedia membantu".

Perdana Menteri berkata, beliau telah memberi pandangannya terhadap pendirian Malaysia dalam perbalahan di Iraq dan berharap kerajaan Iraq dapat menyatupadukan puak-puak Syiah, Sunah dan Kurdis.

"Ini amat penting. Tanpa ketiga-tiga puak itu dibawa bersama, maka perbalahan di negara itu akan berleluasa," tambah beliau.

Abdullah memberitahu, Adel bahawa pergolakan antara masyarakat Islam di Iraq tidak memberi kekuatan kepada kerajaan.

"Apa yang perlu adalah kerajaan yang kuat dan teguh dan yang benar-benar mewakili semua pihak. Itulah satu perkara yang sangat penting supaya kesaksamaan dalam hubungan kerajaan dengan ketiga-tiga kumpulan itu dijadikan satu amalan.

"Saya sentiasa ingin melihat munculnya kerajaan perpaduan nasional di Iraq dan Malaysia bersedia untuk berbincang perkara itu dengan kerajaan Iraq," katanya.

Abdullah juga mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Konfederasi Switzerland, Micheline Calmy-Rey.

Perdana Menteri berkata, perhubungan dua hala antara Malaysia dan Switzerland adalah dalam keadaan baik dan perlu dipertingkatkan supaya perdagangan dan pelaburan akan dapat dipertingkatkan.

Kedua-dua pemimpin itu juga bertukar pendapat tentang isu Timur Tengah dan hak asasi manusia.